



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

VERSI 1.0 (2024)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
TUJUAN		1
LATAR BELAKANG		1
PELAKSANAAN		2
TARIKH KUAT KUASA		2
PEMBATALAN		2
PEMAKAIAN		2
LAMPIRAN I	Senarai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran Yang Dibatalkan	3
<u>Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan</u>		
CERAIAN UP.9.1.1	Dasar Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan	5
Lampiran UP.9.1.1(A)	Jadual Keseluruhan Kaedah, Tempoh dan Syarat Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan	17
Lampiran UP.9.1.1(B)	Simulasi Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan	19
Lampiran UP.9.1.1(C)	Format Pemakluman Keputusan Pergerakan Gaji Tahunan	58

Jejak Dokumen:

Bil.	Ceraian (Tarikh Kemaskini /Batal)	Asal	Pindaan



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

DASAR KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

VERSI 1.0 (2024)

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia ini bertujuan untuk menjelaskan dasar kelayakan pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) bagi pegawai perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. PGT merupakan suatu bentuk pemberian ganjaran berasaskan prestasi pegawai dalam tahun penilaian. Bagi memastikan pelaksanaan pemberian PGT kepada pegawai perkhidmatan awam adalah teratur dan selaras dengan dasar semasa, Kerajaan memperkenalkan penambahbaikan kepada dasar kelayakan pemberian PGT sedia ada dengan penambahan syarat tapisan tatatertib di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).



PELAKSANAAN

3. Panduan dasar kelayakan pemberian PGT kepada pegawai perkhidmatan awam diperincikan dalam Ceraian seperti yang berikut:

Kod Ceraian	Tema	
UP.9.1	Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan	
	Ceraian UP.9.1.1	Dasar Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP), Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) dan Surat Edaran (SE) seperti di **Lampiran I** adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



LAMPIRAN I

Senarai Pekeliling Perkhidmatan (PP), Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) dan Surat Edaran (SE) Yang Dibatalkan

Bil.	Tema	PP/SPP/SE Yang Dibatalkan
1.	Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan	(i) Perenggan 50, 54, 63 dan 64 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002: Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan; (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002: Kaedah Pergerakan Gaji Pegawai Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji Di Bawah Sistem Saraan Malaysia; (iii) Perenggan 5.1(f), 5.2(g) dan 5.3(e) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009: Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji; (iv) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009: Panduan Pelaksanaan Kaedah Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Pegawai Dalam Tempoh Percubaan; (v) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019: Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Diawalkan Kepada Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji; (vi) Perenggan 13 dan 14 Ceraian UP.1.2.2: Dasar Baru Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap; (vii) Perenggan 10 (iv) Ceraian SR.5.2.2: Kemudahan Cuti Menjaga Anak;



Bil.	Tema	PP/SPP/SE Yang Dibatalkan
		(viii) Perenggan 15 Ceraian SR.5.1.4: Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara; dan (ix) Perenggan 56, 57, 58, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.



DASAR KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menerangkan dasar kelayakan pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) kepada pegawai dalam perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Penetapan kelayakan pemberian PGT di bawah ketetapan sedia ada adalah berdasarkan penilaian prestasi, tempoh pegawai menjalankan tugas atau tempoh cuti yang diluluskan kepada pegawai dalam tahun penilaian tersebut sahaja. Dalam hal ini, terdapat pegawai yang mempunyai kes pelanggaran tatakelakuan turut diberikan kenaikan gaji tahunan memandangkan tapisan tatatertib tidak disyaratkan bagi kelayakan pemberian PGT sebelum ini. Oleh itu, bagi memastikan prinsip keadilan dalam pertimbangan kelayakan pemberian PGT, tapisan tatatertib dijadikan syarat tambahan selain daripada syarat lain yang ditetapkan.
3. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, dasar kelayakan pemberian PGT ditambah baik dengan memperkenalkan Prinsip Ganjaran Berasaskan Prestasi dan Tatakelakuan. Melalui dasar ini, kelayakan pemberian PGT bagi seseorang pegawai hendaklah dipertimbangkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bukan sahaja berdasarkan penilaian prestasi, tempoh pegawai menjalankan tugas dan tempoh cuti yang diluluskan tetapi turut termasuk tatakelakuan pegawai dalam tahun penilaian.

TAFSIRAN

4. Bagi maksud pemakaian Ceraian ini—

“**Gaji hakiki**” ertinya gaji pokok yang ditetapkan ke atas seseorang pegawai berdasarkan gred dan skim perkhidmatan;

“**jabatan**” termasuklah—

- (i) sesuatu Kementerian;
- (ii) sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;
- (iii) sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan



(iv) mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

“Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)” ertinya jadual yang menunjukkan gaji minimum dan gaji maksimum bagi setiap gred;

“Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)” ertinya amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji yang ditetapkan mengikut gred dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM);

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya;

“pegawai” ertinya pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak;

“Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)” ertinya peningkatan ke atas gaji hakiki pegawai pada kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut gred dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM);

“tahun penilaian” ertinya tahun kalendar pegawai dinilai bermula 1 Januari sehingga 31 Disember dalam tahun berkenaan;

“tapisan tatatertib” ertinya proses semakan rekod tatatertib oleh urus setia PPSM yang mengesahkan pegawai tidak dikenakan hukuman tatatertib bagi tahun penilaian;

“Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)” ertinya tarikh berlakunya pergerakan gaji tahunan pegawai yang ditetapkan pada salah satu daripada empat tarikh dalam setahun iaitu 1 Januari, 1 April, 1 Julai atau 1 Oktober;

“Tempoh Bergaji Penuh (TBP)” ertinya salah satu atau kombinasi tempoh menjalankan tugas jawatan dan tempoh cuti bergaji penuh;

“tempoh cuti” ertinya tempoh pegawai diluluskan cuti (termasuk Hari Kelepasan Am, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Rehat Mingguan);



“**tempoh menjalankan tugas jawatan**” ertinya tempoh pegawai menjalankan tugas jawatan sepanjang tahun penilaian (termasuk Hari Kelepasan Am, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Rehat Mingguan);

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

PENETAPAN KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

5. Kelayakan dan asas pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) telah ditetapkan di bawah subperaturan 27(4) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [*P.U. (A) 1/2012*] seperti yang berikut:

“Pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai hendaklah berasaskan pencapaian kerja tahunan pegawai itu atau apa-apa syarat lain yang ditentukan Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.”

PRINSIP KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

6. Kelayakan pemberian PGT hendaklah dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip yang berikut:

- (i) **adil**: diberikan secara saksama kepada pegawai yang layak; dan
- (ii) **telus**: diberikan berdasarkan kriteria yang jelas.

SYARAT KELAYAKAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Kelayakan PGT kepada pegawai adalah tertakluk kepada syarat seperti yang berikut:

- (i) memperoleh markah penilaian prestasi **75% dan ke atas** bagi tahun penilaian;
- (ii) lulus tapisan tatatertib bagi tahun penilaian;
- (iii) memenuhi tempoh yang melayakkan PGT bagi tahun penilaian; dan
- (iv) diperakukan oleh PPSM.



KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Terdapat dua (2) kaedah pemberian PGT kepada pegawai seperti yang berikut:

- (i) PGT secara sebenar; dan
- (ii) PGT secara isyarat.

Lampiran UP.9.1.1(A) menunjukkan Jadual Keseluruhan Kaedah, Tempoh dan Syarat Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan.

KAEDAH PEMBERIAN PGT SECARA SEBENAR

9. Pemberian PGT secara sebenar adalah merujuk kepada kaedah pemberian PGT yang layak dibayar mengikut tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai tersebut. Pegawai layak dipertimbangkan **PGT secara sebenar** sekiranya memenuhi semua syarat kelayakan PGT sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 7 Ceraian ini.

10. Bagi maksud pengiraan tempoh yang melayakkan PGT secara sebenar, pegawai dikehendaki memenuhi Tempoh Bergaji Penuh (TBP) **melebihi 180 hari** dalam tahun penilaian berdasarkan dua (2) keadaan yang berikut:

- (i) sekiranya tempoh menjalankan tugas jawatan melebihi tempoh cuti bergaji penuh, pegawai layak diberikan **PGT secara sebenar** dan tertakluk kepada penilaian prestasi dalam tahun penilaian; atau
- (ii) sekiranya tempoh menjalankan tugas jawatan tidak melebihi atau sama dengan tempoh cuti bergaji penuh, pegawai layak diberikan **PGT secara sebenar** tetapi dikecualikan daripada penilaian prestasi tahunan bagi tahun penilaian tersebut dan diberikan status **Tidak Sesuai Dinilai**.

11. Bagi pegawai yang layak diberikan PGT secara sebenar dan berada dalam tempoh CTG pada TPG pegawai, PGT tersebut akan diselaraskan secara sebenar pada tarikh pegawai melapor diri bertugas semula dan tidak dikebelakangkan.

12. Simulasi pemberian PGT secara sebenar adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 1** dan **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 2**.



KAEDAH PEMBERIAN PGT SECARA ISYARAT

13. Pemberian PGT secara isyarat adalah merujuk kepada kaedah pemberian PGT yang layak dibayar secara prinsip mengikut tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai tersebut. Semua kelayakan PGT secara isyarat pegawai tersebut semasa CTG akan diselaraskan kepada sebenar pada tarikh pegawai melapor diri bertugas semula.

14. Pegawai layak dipertimbangkan pemberian **PGT secara isyarat** sekiranya memenuhi syarat kelayakan pemberian PGT sebagaimana yang disenaraikan di perenggan 7(ii), (iii) dan (iv) Ceraian ini.

15. Bagi maksud pengiraan tempoh yang melayakkan pemberian PGT secara isyarat, pegawai dikehendaki memenuhi Tempoh Bergaji Penuh (TBP) **tidak melebihi atau sama dengan 180 hari** bagi tahun penilaian.

16. Terdapat dua (2) kategori pemberian PGT secara isyarat seperti yang berikut:

- (i) **PGT secara isyarat yang tertakluk kepada maksimum tiga (3) kali sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan** sama ada perkhidmatan itu berterusan atau terputus diberikan sekiranya pegawai diluluskan tempoh cuti melebihi 180 hari dalam tahun penilaian bagi salah satu atau mana-mana kombinasi cuti yang berikut:
 - (a) Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG);
 - (b) Cuti Separuh Gaji bagi Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah (CSGTKB);
 - (c) Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);
 - (d) Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negeri (CMP);
 - (e) Cuti Menjaga Anak (CMA).

Simulasi pemberian PGT secara isyarat adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 3** dan **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 4**.

- (f) Walau apa pun ketetapan di perenggan 13, sekiranya pegawai yang layak menerima PGT secara isyarat itu telah kembali bertugas sebelum TPG tahun berkenaan, pemberian PGT akan diselaraskan secara sebenar pada TPG tahun yang berikutnya. Simulasi pemberian PGT secara isyarat adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 5**.



- (ii) **PGT secara isyarat yang tidak tertakluk kepada maksimum tiga (3) kali sepanjang tempoh perkhidmatan diberikan** kepada perkhidmatan pegawai di agensi pembekal dalam tempoh peminjaman atau pertukaran sementara pegawai di agensi peminjam. Ketetapan di perenggan 16(i)(f) tidak terpakai kepada pegawai di bawah kategori ini.

17. Pegawai yang menerima PGT secara isyarat **dikecualikan** daripada syarat di bawah perenggan 7(i) Ceraian ini.

18. Sekiranya pegawai diberikan PGT secara isyarat semasa dalam tempoh cuti tanpa gaji sehingga tarikh persaraan, gaji akhir pegawai akan diselaraskan termasuk PGT tersebut sehari sebelum tarikh persaraan.

PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN BAGI PEGAWAI DALAM SITUASI TERTENTU

Pegawai Dalam Tempoh Percubaan

19. Pegawai yang berada dalam tempoh percubaan layak dipertimbangkan PGT sebanyak tiga (3) kali semasa dalam tempoh percubaan asal tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan bagi tahun penilaian prestasi sebagaimana di perenggan 7 Ceraian ini. Kaedah ini juga terpakai kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan sebelum genap tiga (3) tahun tempoh percubaan. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 6**.

20. Bagi pegawai yang diluluskan pelanjutan tempoh **percubaan tanpa denda**, pelanjutan tersebut tidak memberi kesan dari segi PGT dan TPG pegawai. Pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan tanpa denda layak dipertimbangkan PGT pada TPG asal tertakluk kepada keputusan PPSM. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 7**.

21. Selaras dengan peraturan 32 P.U. (A) 1/2012, pegawai yang dilanjutkan tempoh **percubaan dengan denda** tidak layak mendapat apa-apa PGT semasa dalam tempoh pelanjutan percubaannya dan tertakluk kepada tarikh pengesahan dalam perkhidmatannya.

22. Ketetapan kelayakan pemberian PGT bagi pegawai dalam tempoh percubaan dengan denda tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda tidak layak diberikan PGT semasa pelanjutan tempoh percubaan dengan denda



tersebut. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 8**. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda boleh dipertimbangkan PGT sebelum atau pada tempoh percubaan pegawai dilanjutkan dengan denda berdasarkan keadaan seperti yang berikut:

- (a) pegawai yang TPG tahunannya adalah sama dengan tarikh pelanjutan tempoh percubaan dengan denda tetapi belum mendapat PGT kali ketiga dalam tempoh percubaan asalnya. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 8(a)**; atau
 - (b) pegawai belum memperoleh PGT kali ketiga dalam tempoh percubaan asalnya. Hal ini antara lain disebabkan PPSM belum memutuskan PGT pada tarikh pelanjutan tempoh percubaan dengan denda. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 8(b)**.
- (ii) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda, TPG asal berubah kepada TPG baharu berdasarkan tarikh pengesahan dalam perkhidmatannya dan diberikan pada tahun berikutnya. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 9**. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang telah dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda dan disahkan dalam perkhidmatan sebelum melepasi TPG berikutnya, TPG pegawai kekal mengikut TPG asal. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 9(a)**.

Pegawai Berada Di Jawatan Kumpulan

23. PGT pegawai yang ditempatkan di Jawatan Kumpulan (selain daripada penempatan disebabkan cuti atau peminjaman) melebihi tempoh 180 hari dalam tahun penilaian boleh dipertimbangkan pemberian PGT secara sebenar tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan di perenggan 7 Ceraian ini.

Pegawai Dalam Tempoh Peminjaman atau Pertukaran Sementara

24. PGT pegawai di perkhidmatan hakiki dalam tempoh peminjaman atau pertukaran sementara diputuskan oleh PPSM di agensi pembekal dan diberikan PGT secara isyarat, dengan syarat tempoh peminjaman atau pertukaran sementara dalam tahun penilaian adalah melebihi 180 hari. Pemberian PGT secara isyarat ini tidak



tertakluk kepada penilaian prestasi di agensi peminjam dan tidak tertakluk kepada maksimum tiga (3) kali sepanjang perkhidmatan.

Pemberian Dan Kaedah PGT Diawalkan

25. Selain urusan perkhidmatan yang melibatkan kenaikan pangkat, pelaksanaan pemberian PGT diawalkan turut dilaksanakan bagi—

- (i) pegawai yang bersara paksa sebelum TPG; atau
- (ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG.

26. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di bawah subperaturan 27(2) P.U. (A) 1/2012, PPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi adalah diwakilkan kuasa menurut subperaturan 62(1) P.U. (A) 1/2012 untuk mengawalkan PGT pegawai sebagaimana yang diperuntukkan, tertakluk kepada syarat pemberian PGT yang telah ditetapkan.

27. Tertakluk kepada syarat pemberian PGT, pegawai yang layak mendapat PGT diawalkan berdasarkan Ceraian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) pegawai yang berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa dan tarikh persaraan tersebut adalah sebelum TPG pegawai pada tahun berkenaan. TPG pegawai akan diawalkan ke hari terakhir perkhidmatan pegawai. Bersara paksa adalah mengikut subseksyen 10(1) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] dan subseksyen 6A(5B) Akta 227, atau subseksyen 10(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] dan subseksyen 6A(5B) Akta 239; atau
- (ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG pegawai pada tahun berkenaan. Dalam hal ini, TPG pegawai tersebut akan diawalkan pada tarikh pegawai meninggal dunia.

Pegawai Dalam Perintah Tahan Kerja atau Perintah Gantung Kerja

28. PPSM hendaklah menahan PGT pegawai yang dikenakan Perintah Tahan Kerja di bawah peraturan 44 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*] atau Perintah Gantung Kerja di bawah peraturan 45 P.U. (A) 395/1993 mulai tempoh perintah tersebut berkuat kuasa sehingga Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) membuat keputusan berhubung dengan kes tatatertib pegawai.



29. Pegawai layak diberikan PGT bagi tempoh PGT yang ditahan sekiranya—

- (i) pegawai telah dibebaskan daripada pertuduhan jenayah;
- (ii) pegawai telah dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan jenayah;
- (iii) pegawai telah dibebaskan daripada apa-apa pertuduhan tata tertib; atau
- (iv) prosiding tata tertib pegawai berkeputusan dengan dikenakan suatu hukuman tata tertib selain daripada hukuman buang kerja.

TEMPOH YANG TIDAK MELAYAKKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

30. Tempoh yang tidak melayakkan pemberian PGT adalah merujuk kepada **tempoh tidak menjalankan tugas jawatan** melebihi 180 hari dalam tahun penilaian bagi mana-mana satu atau kombinasi keadaan yang berikut:

- (i) pegawai mengambil Cuti Separuh Gaji (CSG) atau Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau kombinasi CSG dan CTG;
- (ii) tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah;
- (iii) menjalani hukuman penjara atau apa-apa perintah tahanan buang negeri;
- (iv) menjalani rawatan dan pemulihan menurut perintah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*].

31. Simulasi adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 10, Simulasi 11, Simulasi 12 dan Simulasi 13.**

KESAN TAPISAN TATATERTIB KE ATAS KELAYAKAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

32. Pegawai disifatkan sebagai gagal tapisan tata tertib sekiranya pegawai telah dikenakan hukuman tata tertib dalam tahun penilaian. Kesan ke atas kegagalan tapisan tata tertib menyebabkan pegawai tidak layak dipertimbangkan pemberian PGT bagi tahun berikutnya.



33. Selaras dengan P.U. (A) 395/1993, pegawai yang dikenakan hukuman tangguh pergerakan gaji atau turun gaji di bawah P.U. (A) 395/1993 tidak berhak menerima apa-apa pergerakan gaji dalam tempoh hukuman itu sedang berkuat kuasa. Selepas tamatnya tempoh hukuman tatatertib tersebut, PPSM hendaklah melaksanakan kesan tapisan tatatertib ke atas pemberian PGT pegawai pada TPG yang berikutnya.

34. Simulasi kesan tapisan tatatertib ke atas kelayakan pemberian PGT adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(B) - Simulasi 14** dan **Simulasi 15**.

TEMPOH HAD MASA BAGI TUJUAN PERTIMBANGAN KELAYAKAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

35. Sekiranya pegawai tidak menerima keputusan kelayakan PGT daripada PPSM pada tahun berkenaan, pegawai diberikan tempoh selewat-lewatnya sehingga 31 Mac tahun berikutnya untuk mengemukakan permohonan kepada PPSM. Sekiranya terdapat permohonan yang diterima selepas tarikh berkenaan, pemberian kelayakan PGT adalah tertakluk kepada pertimbangan PPSM.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

36. Dalam melaksanakan pemberian PGT ini, Ketua Jabatan dan PPSM bertanggungjawab untuk memastikan perkara seperti yang berikut:

- (i) PGT hanya diberikan kepada pegawai yang layak dan hendaklah berdasarkan ketetapan yang sedang berkuat kuasa;
- (ii) memaklumkan keputusan pemberian kelayakan PGT sama ada layak atau tidak layak kepada pegawai. Contoh format pemakluman keputusan adalah seperti di **Lampiran UP.9.1.1(C)**; dan
- (iii) pemberian kelayakan PGT hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK).

TARIKH KUAT KUASA

37. Ceraian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.



PEMBATALAN

38. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP), Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) dan Surat Edaran (SE) seperti yang berikut adalah dibatalkan:

- (i) Perenggan 50, Perenggan 54, Perenggan 63 dan Perenggan 64, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002: Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002: Kaedah Pergerakan Gaji Pegawai Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji Di Bawah Sistem Saraan Malaysia;
- (iii) Perenggan 5.1(f), Perenggan 5.2(g) dan Perenggan 5.3(e), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009: Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji;
- (iv) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2009: Panduan Pelaksanaan Kaedah Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Pegawai Dalam Tempoh Percubaan;
- (v) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019: Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Diawalkan Kepada Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji;
- (vi) Perenggan 13 dan Perenggan 14, Ceraian UP.1.2.2: Dasar Baru Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap;
- (vii) Perenggan 10(iv), Ceraian SR.5.2.2: Kemudahan Cuti Menjaga Anak;
- (viii) Perenggan 15, Ceraian SR.5.1.4: Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara; dan
- (ix) Perenggan 56, Perenggan 57 dan Perenggan 58, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.



PEMAKAIAN

39. Pelaksanaan pemberian PGT di bawah Ceraian ini bermula berdasarkan tahun penilaian 2025 dan tertakluk kepada syarat kelayakan PGT yang ditetapkan.

40. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**



Lampiran UP.9.1.1(A)

Jadual Keseluruhan Kaedah, Tempoh dan Syarat Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Situasi	Tempoh Bergaji Penuh > 180 hari		Tempoh Bergaji Penuh ≤ 180 Hari		Pegawai Dalam Tempoh Peminjaman / Pertukaran Sementara
Kategori	Tempoh Menjalankan Tugas Jawatan > Tempoh *Cuti Bergaji Penuh	Tempoh Menjalankan Tugas Jawatan ≤ Tempoh *Cuti Bergaji Penuh	Tempoh Kombinasi **CSG/CTG > 180 hari	Tempoh Kombinasi Tidak Menjalankan Tugas Jawatan*** > 180 hari	Tempoh Peminjaman / Pertukaran Sementara > 180 hari
Penilaian Prestasi	Sesuai Dinilai	Tidak Sesuai Dinilai	Tidak Sesuai Dinilai	Tidak Sesuai Dinilai	Tidak Sesuai Dinilai
Kelayakan PGT	PGT Secara Sebenar	PGT Secara Sebenar	PGT Secara Isyarat	Tidak Layak PGT	PGT Secara Isyarat
Syarat Kelayakan PGT	▪ Prestasi 75% dan ke atas; ▪ Lulus tapisan tatatertib; dan ▪ Diperakui oleh PPSM.	▪ Lulus tapisan tatatertib; dan ▪ Diperakui oleh PPSM.	▪ Maksimum 3 kali sepanjang perkhidmatan; ▪ Lulus tapisan tatatertib; dan ▪ Diperakui oleh PPSM.	▪ Diperakui oleh PPSM.	▪ Tidak tertakluk maksimum 3 kali sepanjang perkhidmatan; ▪ Lulus tapisan tatatertib; dan ▪ Diperakui oleh PPSM.
Huraian	<u>*Cuti Bergaji Penuh (CBP)</u> 1) Cuti Rehat 2) Cuti Penggal 3) Cuti Rehat Khas (khusus untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan)		<u>**Cuti Separuh Gaji / Cuti Tanpa Gaji (CSG/CTG)</u> 1) Cuti Belajar Separuh Gaji	<u>***Tidak Menjalankan Tugas Jawatan</u> A. Cuti Separuh Gaji / Cuti Tanpa Gaji Selain Cuti* 1. CTG 2. CSG	Tempoh peminjaman / pertukaran sementara pegawai adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.



	4) Cuti Sakit 5) Cuti Kerantina 6) Cuti Bersalin 7) Cuti Kecederaan 8) Cuti Tibi, Kusta dan Barah 9) Cuti Berkursus / Cuti Belajar Bergaji Penuh 10) Cuti Sabatikal 11) Cuti Sambilan (PDRM dan Jabatan Penjara) 12) Cuti Haji 13) Cuti Tambahan Perubatan (Atas Sebab Kesihatan Guru) 14) Cuti Tanpa Rekod / Cuti Tanpa Rekod Berkelompok 15) Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan 16) Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab Kecemasan Am	2) Cuti Separuh Gaji bagi Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah 3) Cuti Belajar Tanpa Gaji 4) Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Berkursus / Bertugas Dalam / Luar Negara 5) Cuti Menjaga Anak <i>Nota: Kombinasi tempoh **CSG/CTG yang disenaraikan melebihi 180 hari dalam tahun penilaian.</i>	3. Cuti Sakit Lanjutan (CSG / CTG) 4. Cuti Belajar Separuh Gaji 5. Cuti Separuh Gaji bagi Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah 6. Cuti Belajar Tanpa Gaji 7. Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Berkursus / Bertugas Dalam / Luar Negara 8. Cuti Menjaga Anak B. Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah; C. Menjalani hukuman penjara atau apa-apa perintah tahanan buang negeri; D. Menjalani rawatan dan pemulihan menurut perintah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283]. <i>Nota: Kombinasi tempoh yang disenaraikan (A, B, C, D) melebihi 180 hari dalam tahun penilaian dan tempoh cuti** tidak melebihi atau sama dengan 180 hari.</i>	
--	---	---	--	--




Lampiran UP.9.1.1(B)

Simulasi Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Simulasi 1

Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai Bagi Tempoh Bergaji Penuh Melebihi 180 Hari Dalam Tahun Penilaian Dan Tempoh Menjalankan Tugas Jawatan Melebihi Tempoh Cuti Bergaji Penuh



Gred : 1

TPG : 1 Julai

JGMM Gred 1 : RM1,500.00 – RM4,680.00

KGT Gred 1 : RM100.00

Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Catatan
01.01.2025	2,004.80	Gaji pegawai sebelum TPG.
01.05.2025	2,004.80	Pegawai diluluskan Cuti Bersalin. (Kategori CBP)
01.07.2025	2,104.80 (2,004.80 + 100.00)	TPG pegawai. Pegawai layak PGT 2025 secara sebenar pada kadar KGT (RM100.00) berdasarkan keputusan PPSM.
30.07.2025	2,104.80	Pegawai kembali bertugas.
31.12.2025	2,104.80	Gaji akhir tahun penilaian 2025.
01.01.2026	2,252.14 (2,104.80 + 7%)	Pegawai diberi pelarasan gaji fasa 2 SSPA sebanyak 7% atas gaji hakiki pada 31.12.2025.




Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Catatan
02.03.2026	2,252.14	PPSM bersidang. Memperoleh markah prestasi 91%, lulus tapisan tatatertib dan diperaku PPSM. Pegawai layak PGT secara sebenar.
01.07.2026	2,352.14 (2,252.14 + 100.00)	TPG pegawai. Pegawai layak PGT 2026 secara sebenar pada kadar KGT (RM100.00) berdasarkan keputusan PPSM.



Simulasi Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Simulasi 2

Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai Bagi Tempoh Bergaji Penuh Melebihi 180 Hari Dan Tempoh Menjalankan Tugas Jawatan Tidak Melebihi atau Sama Dengan Tempoh Cuti Bergaji Penuh



Gred : 5
 TPG : 1 Julai
 JGMM Gred 5 : RM1,650.00 – RM6,620.00
 KGT Gred 5 : RM145.00

Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Catatan
01.01.2025	2,382.43	Gaji pegawai sebelum TPG.
01.01.2025	2,382.43	Pegawai diluluskan Cuti Sakit. (Kategori CBP)
01.04.2025	2,382.43	Pegawai diluluskan Cuti Sakit. (Kategori CBP)
30.06.2025	2,382.43	Pegawai diluluskan menggunakan Cuti Rehat Berkelayakan. (Kategori CBP)
01.07.2025	2,527.43 (2,382.43 + 145.00)	TPG pegawai. Pegawai layak PGT 2025 secara sebenar pada kadar KGT (RM145.00) berdasarkan keputusan PPSM.
12.08.2025	1263.72 (2,527.43 / 2)	Pegawai diluluskan Cuti Sakit Lanjutan. (Kategori CSG)




Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Catatan
10.11.2025	(2,527.43)	Pegawai diluluskan Cuti Sakit Lanjutan. (Kategori CTG)
1.12.2025	2,527.43	Pegawai kembali bertugas.
31.12.2025	2,527.43	Gaji akhir tahun penilaian 2025.
01.01.2026	2,704.35 (2,527.43 + 7%)	Pegawai diberi pelarasan gaji fasa 2 SSPA sebanyak 7% atas gaji hakiki pada 31.12.2025.
02.03.2026	2,704.35	PPSM bersidang. Prestasi pegawai tahun 2025 dikecualikan daripada penilaian prestasi (Tidak Sesuai Dinilai), lulus tapisan tata tertib dan diperaku oleh PPSM. Pegawai layak PGT secara sebenar.
01.07.2026	2,849.35 (2,704.35 + 145.00)	TPG pegawai. Pegawai layak PGT 2026 secara sebenar pada kadar KGT (RM145.00) berdasarkan keputusan PPSM.



Simulasi Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Simulasi 3

Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai Bagi Tempoh Bergaji Penuh Tidak Melebihi Atau Sama Dengan 180 Hari Dalam Tahun Penilaian Dan Tempoh Cuti Menjaga Anak Melebihi Tempoh 180 Hari



Gred : 9
TPG : 1 Julai
JGMM Gred 9 : RM2,250.00 – RM11,110.00
KGT Gred 9 : RM225.00

Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Gaji Isyarat (RM)	Catatan
01.01.2025	3,344.76	-	Gaji pegawai sebelum TPG.
26.03.2025	3,344.76	-	Pegawai diluluskan Cuti Bersalin. (Kategori CBP)
24.06.2025	-	(3,344.76)	Pegawai diluluskan Cuti Menjaga Anak. (Kategori CTG)
01.07.2025	-	(3,569.76) (3,344.76 + 225.00)	TPG pegawai. Berdasarkan keputusan PPSM, pegawai layak PGT 2025 secara sebenar pada kadar KGT (RM225.00). Walau bagaimanapun, PGT pegawai



Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Gaji Isyarat (RM)	Catatan
			diberikan secara isyarat sepanjang tempoh CTG.
31.12.2025	-	(3,569.76)	Gaji akhir tahun penilaian 2025.
02.01.2026	3,819.64 (3,569.76 + 7%)	-	Pegawai mula bertugas. PGT secara isyarat diselaraskan kepada sebenar. Pegawai diberi pelarasan gaji fasa 2 SSPA sebanyak 7% atas gaji hakiki pada 31.12.2025.
02.03.2026	3,819.64	-	PPSM bersidang. Prestasi pegawai tahun 2025 dikecualikan daripada penilaian prestasi (Tidak Sesuai Dinilai), lulus tapisan tatatertib dan diperaku oleh PPSM. Pegawai layak PGT secara isyarat (tertakluk maksimum 3 kali sepanjang perkhidmatan).
01.07.2026	3,819.64	(4,044.64) (3,819.64 + 225.00)	TPG pegawai. Pegawai layak PGT secara isyarat tahun 2026 (tertakluk maksimum 3 kali sepanjang perkhidmatan) pada kadar KGT (RM225.00) berdasarkan keputusan PPSM.
01.03.2027	3,819.64	(4,044.64)	PPSM bersidang. Memperoleh markah prestasi sebanyak 91%, lulus tapisan tatatertib dan diperaku oleh PPSM. Pegawai layak PGT secara sebenar.
01.07.2027	4,269.64 (4,044.64 + 225.00)	(4,044.64)	TPG pegawai. PGT secara isyarat tahun 2026 diselaraskan kepada sebenar.




Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Gaji Isyarat (RM)	Catatan
			Pegawai layak PGT 2027 secara sebenar pada kadar KGT (RM225.00) berdasarkan keputusan PPSM.



Simulasi Kelayakan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Simulasi 4

Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai
Bagi Tempoh Bergaji Penuh Tidak Melebihi atau Sama Dengan 180 Hari Dalam
Tahun Penilaian Dan Tempoh Kombinasi Cuti Menjaga Anak Dan Tempoh Cuti
Belajar Separuh Gaji Melebihi Tempoh 180 Hari



Gred : 1
 TPG : 1 Julai
 JGMM Gred 1 : RM1,500.00 – RM4,680.00
 KGT Gred 1 : RM100.00

Tarikh	Gaji Sebenar (RM)	Gaji Isyarat (RM)	Catatan
01.01.2025	2,004.80	-	Gaji pegawai sebelum TPG.
01.01.2025	2,004.80	-	Pegawai diluluskan Cuti Bersalin. (Kategori CBP)
01.04.2025	-	(2,004.80)	Pegawai diluluskan Cuti Menjaga Anak. (Kategori CTG)
